

16 APR 1998

Agong-jamuan negara

TUANKU JA'AFAR PUJI REFORMASI DAN DASAR PEMBANGUNAN UGANDA

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini memuji dasar dan reformasi Uganda yang telah meletakkan negara itu dalam landasan untuk pembangunan dan pertumbuhan jangka panjang.

Seri Paduka Baginda bertitah Uganda sekarang memperolehi manfaat daripada dasar seumpama itu, yang menjadikannya stabil dari segi politik dan ekonomi.

"Inilah yang kita rasakan berkaitan perubahan positif yang berlaku di Afrika dan negara-negara membangun lain," kata Seri Paduka Baginda dalam jamuan negara bagi menghormati Presiden Uganda Yoweri Kaguta Museveni di Istana Negara, di sini.

Museveni dan isteri Janet, tiba di negara ini semalam bersama 24 anggota rombongan bagi rangka lawatan empat hari atas jemputan Seri Paduka Baginda, bagi memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Tuanku Ja'afar berkata hubungan Malaysia dengan Afrika bukanlah perkara baru, dan hubungan tersebut berasaskan perpaduan dan perkongsian yang telah bermula sejak Malaysia belum mencapai kemerdekaan lagi.

Seri Paduka Baginda bertitah rundingan dan tindakan bersama untuk mencapai matlamat bersama membuatkan Malaysia dan negara-negara di Afrika mengadakan kerjasama dalam bidang-bidang lain, seperti perdagangan, mendapatkan harga yang berpatutan bagi keluaran pertanian dan mewujudkan keselamatan dan keamanan global.

Tuanku Ja'afar bertitah Malaysia telah mempertingkatkan perdagangan, pelaburan, hubungan udara dan laut dengan Afrika, dan berikutan dengan itu aliran perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Afrika, termasuk Uganda telah bertumbuh dengan kadar yang pantas.

"Jelas, kerjasama Malaysia-Afrika bergerak ke hadapan," titah Seri Paduka Baginda sambil menambah lawatan oleh Museveni itu adalah sebagai bukti pentingnya memperkukuh hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Seri Paduka Bertitah Malaysia mengalu-alukan lebih banyak pertukaran secara langsung dan lawatan antara kedua-dua negara, termasuk dari masyarakat sektor swasta, pendidik, media massa dan juga kumpulan-kumpulan lain.

"Malaysia yakin pengaruh dan kemerdekaan negara-negara membangun, dapat dilindungi baik dengan mengetahui satu sama lain dan bekerjasama," titah Seri Paduka Baginda.

"Minat kita di Malaysia adalah untuk kebaikan bersama dalam perdagangan, pelaburan, latihan dan pelancongan," katanya.

Beliau berkata negara itu juga mengharapkan pelaburan Malaysia di Uganda terutamanya dalam bidang pemprosesan pertanian, pelancongan, galian, sumber air bersih, janakuasa tenaga elektrik dan kejuruteraan ringan.

Berkaitan dengan perdagangan, Museveni berkata, "Kita mahu menggalakkan Malaysia menyokong idea perdagangan seimbang, kerana tidak guna berkata tentang dagangan bebas, apabila terdapat sesebuah negara masih melindungi ekonominya."

Turut hadir pada majlis itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie sebagai menteri pengiring, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat.

BERNAMA

WNZ RI

